



KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM

DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC SERVICE

Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia

Public Service Department, Malaysia

Aras 13, Blok C1, Kompleks C

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62510 W.P. PUTRAJAYA

MALAYSIA

Tel: 603-80008000

Faks (Fax): 603-88892187

Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

Rujukan : JPA.600-8/1/3 JLD. 2 (2)

Tarikh : 19 Jun 2025

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato'Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**LARANGAN MEMBUAT PERNYATAAN AWAM DI BAWAH
SUBPERATURAN 19(1) DAN 19(2) PERATURAN-PERATURAN
PEGAWAI AWAM (KELAKUAN DAN TATATERTIB) P.U. (A) 395/1993**

Dengan hormatnya saya ingin menarik perhatian YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan sedia maklum, penggunaan media sosial secara meluas telah mengubah landskap komunikasi dan penyampaian maklumat di seluruh perkhidmatan awam. Kerajaan sentiasa cakna dalam usaha mengoptimumkan penggunaan media komunikasi terutamanya menerusi media sosial bagi membolehkan penyaluran maklumat berkaitan dasar-dasar Kerajaan sentiasa telus, berhemah serta memberi impak positif kepada rakyat. Media sosial merupakan platform yang membolehkan agensi berkomunikasi secara pantas tanpa sempadan dengan orang

awam dan pemegang taruh untuk meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan.

3. Sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subperaturan 19(1) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [*P.U. (A) 395/1993*], pegawai awam tidak boleh secara lisan atau bertulis atau dengan apa-apa cara lain seperti berikut:

- (a) membuat apa-apa pernyataan awam yang boleh memudaratkan apa-apa dasar, rancangan atau keputusan Kerajaan tentang apa-apa isu;
- (b) membuat apa-apa pernyataan awam yang boleh memalukan atau memburukkan nama Kerajaan;
- (c) membuat apa-apa ulasan tentang kelemahan apa-apa dasar, rancangan atau keputusan Kerajaan; atau
- (d) mengedarkan apa-apa pernyataan atau ulasan, sama ada yang dibuat olehnya atau mana-mana orang lain.

Manakala subperaturan 19(2) pula memperuntukkan bahawa seseorang pegawai tidak boleh, sama ada secara lisan atau bertulis atau dengan apa-apa cara lain:

- (a) membuat apa-apa ulasan tentang kelebihan apa-apa dasar, rancangan atau keputusan Kerajaan;
- (b) memberikan apa-apa maklumat berdasarkan fakta berhubung dengan penjalanan fungsi Kerajaan;
- (c) memberikan apa-apa penjelasan berkenaan dengan apa-apa peristiwa atau laporan yang melibatkan Kerajaan; atau
- (d) menyebarkan apa-apa ulasan, maklumat atau penjelasan sedemikian sama ada yang dibuat olehnya atau mana-mana orang lain,

melainkan jika kebenaran bertulis, sama ada secara am atau khusus, telah diperoleh terlebih dahulu daripada Menteri.

4. Walau bagaimanapun, Jabatan ini mendapati masih terdapat kes-kes pelanggaran tata tertib melibatkan kesalahan atau pelanggaran terhadap subperaturan 19(1) dan 19(2) P.U. (A) 395/1993. Lazimnya kesalahan pernyataan awam adalah melibatkan perkara seperti mengkritik dasar Kerajaan, melakukan kenyataan berunsur hasutan dan mengedarkan maklumat sulit/ palsu dalam media sosial.

5. Sehubungan itu, YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan adalah dimohon untuk menasihati dan memastikan pegawai Kementerian/Jabatan masing-masing agar berhemah dalam membuat apa-apa pernyataan, ulasan atau komen dan tidak sekali-kali menyebarkan maklumat palsu, berunsur hasutan, fitnah, provokasi, atau yang tidak dapat disahkan kebenarannya. Sekiranya pegawai didapati melakukan kesalahan tersebut, **pegawai boleh dikenakan tindakan tata tertib sehingga dibuang kerja** sebagaimana diperuntukkan di bawah P.U. (A) 395/1993.

6. Pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan juga diharapkan dapat mengedarkan surat peringatan ini kepada semua pegawai di bawah Kementerian/Jabatan masing-masing dan informasi berkaitan perkara ini perlu dibuat hebahan di semua portal rasmi Kementerian/Jabatan.


7. Segala kerjasama YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan berhubung perkara ini adalah amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(TAN SRI WAN AHMAD DAHLAN BIN HAJI ABDUL AZIZ)